

PM sampai ucaptama Konvensyen BN

BH 5 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu ini.

Selepas ucapan Pengerusi BN di konvensyen yang dihadiri kira-kira 5,000 peserta itu, semua pemimpin 13 parti komponen akan membahaskan ucapan berkenaan.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata pandangan dan cadangan daripada konvensyen itu akan dibincangkan pada mesyuarat parti komponen untuk tindakan susulan.

“Konvensyen ini memberi peluang kepada pemimpin menjelaskan mengenai usaha kerajaan menghadapi cabaran globalisasi dan teknologi maklumat serta mengimbang hak antara kaum,” katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Katanya, konvensyen sehari itu akan dihadiri oleh pemimpin parti komponen, wakil rakyat, ahli majlis daerah, perbandaran dan bandar raya BN dari seluruh negara.

Mohamed berkata, sempena konvensyen itu Perdana Menteri akan melancarkan buku dan cakera padat mengenai sejarah perjuangan BN.

Beliau berkata, buku *Balancing Communal Right* atau *Mengimbang Hak Antara Kaum* diterbitkan dalam bahasa Inggeris bagi membolehkan kejayaan dan pengalaman BN memerintah negara sejak merdeka dikongsi negara lain.